From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: PENSYARAH UUM KONGSI PERSPEKTIF PENGURUSAN PRESTASI DALAM ERA AI DI SCBTII 2026
Date: Friday, 18 September, 2026 6:12:00 PM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

18 SEPTEMBER 2026 / 6 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita dan gambar oleh: Prof. Madya Dr. Johanim Johari

PENSYARAH UUM KONGSI PERSPEKTIF PENGURUSAN PRESTASI DALAM ERA AI DI SCBTII 2026



UUM OLINE: Bandung - Prof. Madya Dr. Johanim Johari dari Pusat Pengajian Pengurusan Perniagaan (SBM), Universiti Utara Malaysia telah dijemput sebagai penceramah dalam *17th International Conference on Sustainable Collaboration in Business, Technology, Information and Innovation* (SCBTII 2026) yang berlangsung pada 20 hingga 21 Ogos 2026 di Telkom University, Bandung, Indonesia.

Dirasmikan oleh Menteri Komunikasi dan Hal Ehwal Digital Republik Indonesia, Meutya Viada Hafid, persidangan yang bertemakan *"Adaptive Intelligence: AI-Driven Innovation, Sustainable Economy, and Business Transformation Beyond Disruption"* ini telah menghimpunkan ahli akademik, penyelidik, pengamal industri, dan pembuat dasar dari pelbagai negara.

Penceramah jemputan lain termasuk Dr. David Baxter dari University of Southampton dan Dr. Denny Setiawan, Pengarah Strategi dan Dasar Infrastruktur Digital, Kementerian Komunikasi dan Informatika Indonesia.



Dalam persidangan tersebut, Dr. Johanim menyampaikan pembentangan bertajuk *"Performance Management in the Era of Artificial Intelligence"*.

Pembentangan itu membincangkan potensi AI dalam membantu organisasi menetapkan sasaran, memantau pencapaian, memberikan maklum balas, dan menyokong keputusan pengurusan prestasi berasaskan data.

Beliau turut menekankan bahawa penggunaan AI perlu dilaksanakan secara beretika tanpa mengetepikan pertimbangan manusia. Sesi pembentangan diikuti dengan sesi soal jawab yang interaktif bersama para pembentang dan peserta persidangan mengenai cabaran mengintegrasikan AI dalam pengurusan prestasi serta peranan pengurus dalam memastikan pendekatan yang adil dan berorientasikan manusia.

Penyertaan sebagai penceramah jemputan dalam persidangan antarabangsa ini menjadi platform penting untuk meningkatkan keterlihatan UUM di Indonesia. Ia juga memperkukuhkan reputasi UUM sebagai institusi yang aktif menyumbang kepakaran dalam isu pengurusan kontemporari, selain membuka ruang kepada jaringan akademik dan kerjasama antarabangsa pada masa hadapan.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.